

# **ANALISIS KESALAHAN TATABAHASA DALAM BUKU TEKS BAHASA ARAB LASR KSSM**

**Mohamad Hussin**

*Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya  
mohamadhussin@um.edu.my*

**Zawawi Ismail**

*Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya  
zawawiiismail@um.edu.my*

**Abstrak:** Buku teks sangat penting dalam pembelajaran bahasa asing. Pelajar bergantung sepenuhnya kepada buku teks sebagai sumber maklumat, aktiviti pengayaan dan latihan pengukuhan dalam pembelajaran. Justeru, penyediaan buku teks yang berkualiti sangat penting untuk memastikan pelajar mendapat maklumat bahasa yang tepat dan bermotivasi dalam pembelajaran. Aktiviti pengajaran guru juga akan berkesan sekiranya dibantu oleh buku teks yang berkualiti. Kajian ini bertujuan untuk meninjau kesalahan tatabahasa dalam buku teks bahasa Arab tingkatan empat LASR yang digunakan dalam kurikulum KSSM serta mencadangkan pembedaan dan rawatan yang sesuai untuk memurnikan kesalahan berkenaan. Dalam melakukan analisis, pendekatan analisis kesalahan yang disarankan oleh al-Rājiḥī (1995) dan Ṭu'aimah (2004) telah digunakan. Gabungan pendekatan yang diperkenalkan oleh kedua-dua tokoh ini mencadangkan empat langkah dalam melakukan analisis kesalahan bahasa iaitu mengenal pasti, mendeskripsi, menafsir serta melakukan pembedaan dan rawatan terhadap kesalahan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat kesalahan tatabahasa yang serius dalam unit yang dikaji. Kesalahan tanda *i'rab* dikesan sebanyak 11 kali dan berlaku dalam subtopik yang berbagai melibatkan tanda *i'rab zaraf, mubtadā', khabar, na'at, munāda, muḍāf, muḍāf ilayh, ism inna* dan *badal*. Kesalahan lain yang dikesan termasuk kesalahan penggunaan partikel *jarr* kesalahan penggunaan *fi'il mabnī li al-majhūl, 'ann maḥdariyyah* serta konsep *tadhkīr* dan *ta'nīth*. Jumlah kesalahan yang besar dan dalam subtopik tatabahasa yang pelbagai menuntut para ilmuan supaya lebih peka dengan aspek tatabahasa dalam menyediakan buku teks, khususnya buku teks untuk tujuan pembelajaran bahasa.

**Kata Kunci:** Analisis kesalahan, kesalahan tatabahasa, buku teks, bahasa Arab, linguistik terapan

## **1. Pendahuluan**

Buku teks ditakrifkan sebagai buku yang digunakan oleh pelajar sebagai buku rujukan yang standard untuk sesuatu mata pelajaran tertentu (Kamus Dewan, 2000). Sesuai dengan definisi yang diberikan, buku teks bahasa Arab pula ialah bahan rujukan utama yang digunakan oleh pelajar dalam aktiviti pembelajaran yang bertujuan untuk memberi pengetahuan, kemahiran berbahasa dan maklumat mengenai bahasa Arab kepada pelajar. Objektif akhir pembelajaran semestinya ialah menyediakan pelajar untuk berinteraksi dengan bahasa yang dipelajari dengan menggunakan bahasa Arab sebagai medium perantara.

Cortazzi dan Jin (1999) melabelkan buku teks sebagai guru, peta, sumber, pelatih dan pihak berautoriti. Sebagai guru, buku teks membekalkan pelajar maklumat yang relevan mengenai tatabahasa dan kosa kata, negara yang menggunakan bahasa berkenaan dan budaya mereka. Sebagai peta, ia menunjukkan garis besar elemen linguistik dan budaya sebagai program berstruktur dan ia membimbing pelajar dan guru untuk mengikuti langkah-langkah yang diambil dalam pelajaran sebelumnya. Buku teks dilihat sebagai sumber kerana mengandungi sekumpulan bahan dan aktiviti yang tersedia untuk guru yang boleh dipilih oleh seseorang. Ia juga boleh menjadi pelatih bagi guru baharu yang memerlukan arahan, sokongan dan bimbingan yang berharga. Sebagai pihak berautoriti, buku teks dianggap sah, boleh dipercayai, ditulis oleh pakar dan disahkan oleh penerbit atau kementerian pendidikan penting.

Di Malaysia, buku teks merupakan bahan terpenting dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Hal ini kerana buku teks menjadi sumber rujukan utama pelajar dalam menambah pengetahuan, aktiviti pengukuhan dan pengayaan pembelajaran. Tanpa buku teks, pelajar sukar untuk mengikuti pembelajaran, lebih-lebih lagi dalam sistem pendidikan berpusat seperti di Malaysia. Buku teks amat berpengaruh dalam pembentukan dan pelaksanaan kurikulum, pelaksanaan ujian, penilaian dan

peperiksaan, pelaksanaan prinsip kesamarataan peluang pendidikan dan untuk mencapai matlamat pembentukan watak generasi belia (Jamaluddin, 2002).

Justeru, penyediaan buku teks yang mencapai standard tertentu adalah sangat penting demi merealisasikan matlamat pembelajaran bahasa, lebih-lebih lagi bahasa asing yang mana pelajar bergantung sepenuhnya kepada buku teks untuk mendapatkan bahan pembelajaran dan sokongan di dalam semua aktiviti mereka. Walau bagaimanapun, dapatan kajian Hussin dan Abd Rahim (1988) mendedahkan bahawa antara kelemahan utama buku teks ialah kelemahan dalam aspek bahasa. Justeru, kajian ini bertujuan untuk melihat elemen kesalahan tatabahasa yang terdapat dalam buku teks *al-Lughah al-'Arabiyyah li al-Sanah al-Rābi'ah* (LASR) cetakan Aras Mega (M) Sdn Bhd (2019) yang digunakan dalam kurikulum KSSM Kementerian Pelajaran Malaysia dan digunakan di sekolah-sekolah di bawah kelolaan KPM.

## **2. Permasalahan Kajian**

Kajian terdahulu mendapati tahap penguasaan pelajar di Malaysia yang mempelajari bahasa Arab secara keseluruhannya sama ada penulisan, pembacaan atau pertuturan masih di tahap lemah (Hussin & Marosadee, 2019; Mohd Nasir, 2017; Mustapa et al., 2012; Nik Mat, 2013; Mohamad, 2009; Ahmad, 2002). Kelemahan para pelajar dalam menguasai bahasa Arab yang dipelajari adalah berpunca daripada pelbagai faktor. Antaranya faktor dalaman pelajar seperti malu, takut ditertawakan, takut tersilap, kurang yakin dan seumpamanya (Mohamad, 2009), di samping kaedah pengajaran guru dan bahan pengajaran yang digunakan (Mustofa, 2011; Aqsha Lubis, 2008; Abdullah, 2011).

Buku teks yang disediakan turut menimbulkan permasalahan apabila kajian yang dilakukan oleh Kamarulzaman (2011) menunjukkan bahawa hasil ujian kebolehbacaan yang dilakukan terhadap buku teks Bahasa Arab Tinggi Tingkatan Empat (BATTE) mendapati skor purata ujian klox bagi BATTE adalah sebanyak 49% yang ditafsirkan sebagai berada pada tahap kecewa, iaitu tidak sesuai untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran, serta pembacaan bebas. Hal ini kerana aspek aras bahasa yang diterapkan dalam buku teks berkenaan adalah jauh dari tahap keupayaan bahasa pelajar (Kamarulzaman, 2011).

Kajian yang dilakukan oleh Ghazali et al. (2015) pula menunjukkan buku teks yang digunakan di sekolah kelolaan JAIS terdedah kepada kesalahan dari aspek morfologi seperti *hamzah waṣal*, *yā' nisbah*, *musytaqqāt*, kesalahan pada baris *fi 'il*, *ṣifah musyabahah*, *maṣdar*, *fi 'il māḍī mabnī li al-majhūl*, dan *taṣrīf fi 'il*. Situasi ini menuntut supaya kandungan pelajaran, bahan pembelajaran, kaedah pengajaran dan bahan penilaian diperkemas supaya masalah motivasi dan penggunaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar dapat diatasi (Abdullah, 2008). Menurut Wan Mohammad (1998), sesebuah buku teks yang bagus perlu memenuhi empat ciri iaitu (i) kandungan menepati sukatan pelajaran dan huraian sukatan pelajaran, (ii) bahasa yang betul dan mudah, (iii) grafik yang sesuai dan menarik minat murid untuk menggunakan buku teks, serta (iv) aktiviti dan latihan yang sesuai dengan aras murid.

Salah satu pendekatan dalam menangani permasalahan bahasa buku teks ialah dengan melakukan analisis kesalahan. Analisis kesalahan adalah salah satu bahagian dalam bidang kajian Linguistik Terapan (Corder, 1967). Menurut Corder (1967), terdapat tiga jenis kesalahan yang dilakukan oleh pelajar bahasa iaitu: (1) kesalahan kerana ketergelinciran lisan akibat masalah fizik yang disebut sebagai *lapses*, (2) kesalahan sistematik kerana kurangnya kompetensi transisi dalam berbahasa sehingga menghasilkan kesalahan yang disebut *error*; dan (3) kesalahan non-sistematis yang bersifat rawak sehingga menghasilkan *mistake*.

Ketiga-tiga istilah ini memiliki domain yang berbeza, sehingga dalam konteks ini perlu dibezakan. *Lapses* adalah kesalahan berbahasa akibat penutur beralih cara untuk menyatakan sesuatu sebelum seluruh tuturan selesai dinyatakan selengkapnya. Kesalahan ini terjadi akibat ketidaksengajaan dan tidak disedari oleh penuturnya. Kemudian *error* adalah kesalahan berbahasa akibat penutur melanggar kaedah atau sistem tatabahasa. Kesalahan ini terjadi akibat penutur sudah memiliki sistem tatabahasa yang berbeza dengan tatabahasa yang lain, sehingga menyerlahkan ketidakmampuan penutur. Hal tersebut memberi kesan terhadap penggunaan bahasa, iaitu terjadi kesalahan berbahasa akibat penutur menggunakan kaedah bahasa yang salah. Sedangkan *mistake* adalah kesalahan berbahasa akibat penutur tidak tepat dalam memilih kata atau ungkapan yang sesuai dengan situasi tertentu. Kesalahan ini berpunca daripada kesalahan penutur dalam menggunakan kaedah tatabahasa secara tepat kerana kurangnya penguasaan bahasa kedua.

Dalam linguistik Arab, ketiga-tiga istilah di atas diungkapkan dengan istilah berbeza. Tu'aimah (2004) menggunakan *zillah al-lisān* untuk *lapses*, *ghalaṭ* untuk *mistake* dan *khaṭa'* untuk *error*. *Zillah al-lisān* adalah kesalahan yang dihasilkan kerana masalah kegagapan penutur. *Ghalaṭ* adalah kesalahan yang dilakukan penutur kerana pertuturannya tidak sesuai dengan konteks bahasa. Manakala *khaṭa'* adalah kesalahan yang terjadi kerana penutur atau penulis menyalahi kaedah tatabahasa. Dalam konteks ini, *khaṭa'* lebih kepada penggunaan kaedah bahasa yang salah, terutama dari segi pertuturan dan penulisan, kerana kurangnya pengetahuan mengenai kaedah tatabahasa Arab. Dengan demikian, dapat disimpulkan bahawa *khaṭa'* adalah bentuk bahasa yang dihasilkan penutur atau penulis yang tidak sesuai dengan yang seharusnya, kerana terjadi penyimpangan daripada kaedah tatabahasa Arab standard.

Menurut al-Rājihī (1995), analisis kesalahan merupakan lanjutan daripada kajian analisis kontrastif yang merupakan terapan ilmu bahasa dalam pembelajaran bahasa. Lebih jauh daripada itu, analisis kesalahan merupakan hasil daripada Linguistik Terapan yang cuba mengkaji bahasa yang dihasilkan oleh pelajar bahasa, bukan bahasa itu sendiri. Dalam konteks ini, analisis kesalahan menfokuskan kepada dua kajian; kesalahan yang dilakukan oleh penutur jati dan kesalahan yang dilakukan oleh penutur bukan jati. Kesalahan bagi penutur jati dipengaruhi oleh sebab-sebab fisiologi seperti sakit dan faktor psikologi seperti gangguan pertuturan. Sebab-sebab ini terjadi kerana kesukaran lidah ketika berbicara. Adapun kesalahan yang dilakukan oleh penutur bukan jati lebih disebabkan oleh faktor pembelajaran dan kurangnya pengetahuan mengenai sistem bahasa yang digunakan. Kurangnya pengetahuan tentang sistem bahasa yang digunakan ini mendorong berlakunya penyimpangan daripada kaedah tatabahasa yang dipelajari, sama ada berkaitan fonologi, morfologi, sintaksis, semantik atau leksikografi.

Analisis kesalahan bahasa perlu dilakukan sebagai sebahagian daripada kajian Linguistik Terapan dalam pengajaran bahasa. Tu'aimah (2004) mengemukakan empat kepentingan kajian analisis kesalahan dalam pengajaran bahasa seperti berikut:

- a) analisis kesalahan membantu pengkaji mengetahui tentang bagaimana cara mengajar dan memperoleh bahasa yang betul. Begitu juga bagaimana strategi dan cara seseorang individu memperoleh bahasa.
- b) kajian analisis kesalahan membantu dalam menyediakan bahan pengajaran. Hasil dapatan kajian analisis kesalahan dalam aspek tertentu berkemungkinan akan menyumbang dalam mereka bentuk dan membangunkan bahan pengajaran yang sesuai dalam aspek berkenaan untuk semua bahasa.
- c) analisis kesalahan dapat membantu para pembina kurikulum dalam membina kurikulum pengajaran bahasa berdasarkan kepada objektif pembelajaran, kandungan pembelajaran, metode pembelajaran serta kaedah penilaian yang betul.
- d) analisis kesalahan memberi peluang untuk melakukan kajian berkaitan kelemahan pelajar dalam menguasai bahasa kedua, sekaligus mencadangkan penyelesaian supaya pengajaran bahasa mencapai objektif yang digariskan.

Justeru, kajian ini dilakukan bertujuan untuk meninjau bentuk-bentuk kesalahan tatabahasa dalam buku teks yang dikaji serta mengemukakan cadangan penambahbaikan yang sewajarnya agar kesalahan-kesalahan yang berlaku berjaya dirawat. Melalui kajian ini, beberapa persoalan akan cuba dijawab iaitu:

- a) Apakah bentuk kesalahan tatabahasa yang terdapat dalam buku teks LASR?
- b) Apakah cadangan penambahbaikan untuk meningkatkan mutu bahasa dalam buku teks LASR?

### **3. Metodologi Kajian**

Kajian ini dilakukan bertujuan untuk mengenal pasti dan menganalisis kesalahan tatabahasa yang terdapat dalam unit 4 buku teks LASR KPM, cetakan Aras Mega (M) Sdn Bhd. (2019). Kajian ini merupakan kajian kualitatif dengan menggunakan pendekatan Linguistik Terapan, dengan menjadikan analisis kesalahan tatabahasa sebagai fokus kajian. Pendekatan ini digunakan untuk mengenal pasti, mendeskripsi, menafsir serta memberi cadangan pembedahan dan rawatan terhadap kesalahan-kesalahan tatabahasa yang terdapat dalam unit yang dikaji. Kajian ini diharap akan memperoleh dapatan tentang kesalahan tatabahasa yang terdapat pada sumber primer yang dikaji dan juga punca-punca berlakunya

kesalahan bahasa serta mengemukakan cadangan penambahbaikan untuk meningkatkan kualiti buku berkenaan.

Unit 4 buku teks LASR yang bertemakan *Ṣiḥḥatī Tharwatī* dipilih sebagai sampel untuk tujuan pengumpulan data. Unit ini dipilih kerana berdasarkan tinjauan awal dan dapatan temubual bersama guru yang mengajar menggunakan buku dan kurikulum berkenaan, kesalahan bahasa lebih ketara dalam unit ini berbanding dengan unit lain. Elemen kesalahan bahasa yang ditemui akan diasingkan kepada jenis kesalahan yang terdapat dalam unit berkenaan. Kesemua kesalahan bahasa direkodkan dan diasingkan mengikut bab perbincangan tatabahasa Arab. Segala data tentang kesalahan bahasa ini akan direkodkan dalam bentuk jadual dan akan dianalisis menggunakan kiraan jumlah. Data kesalahan tatabahasa ini akan direkodkan berdasarkan jadual yang dibahagikan kepada dua lajur. Lajur satu merupakan item kesalahan dan lajur dua merupakan aspek kesalahan.


Dalam melakukan analisis kesalahan tatabahasa, pandangan pakar akan dirujuk. Tu'aimah (2004) mencadangkan tiga langkah utama yang perlu dalam melakukan analisis kesalahan iaitu:

Pertama: mengenalpasti kesalahan, iaitu langkah mengenalpasti dan membatasi serta menentukan tempat-tempat terjadinya kesalahan bahasa yang menyimpang dari kaedah tatabahasa yang betul.

Kedua: mendeskripsi kesalahan, iaitu menjelaskan aspek kesalahan yang menyimpang dari kaedah bahasa, kemudian mengkategorikan kesalahan berdasarkan pembahagian dalam perbincangan tatabahasa.

Ketiga: menafsirkan kesalahan, iaitu menjelaskan faktor dan sumber yang menjadi punca kesalahan.

Sementara itu, al-Rājihī (1995) menambah satu lagi langkah penting iaitu melakukan cadangan pembetulan dan rawatan. Justeru, dalam melakukan analisis, langkah-langkah berikut akan diadaptasi untuk mencapai objektif kajian.



**Rajah 1:** Proses analisis kesalahan hasil adaptasi daripada Tu'aimah (2004) dan al-Rājihī (1995)

### **3.1 Kesalahan tatabahasa dan jenis kesalahan dalam Buku Teks LASR**

Objektif pertama kajian ialah mengenalpasti kesalahan dan jenis kesalahan dalam unit 4 buku teks yang dikaji. Hasil penelitian terhadap unit 4 buku teks LASR menemui beberapa kesalahan tatabahasa. Kesalahan-kesalahan ini ditemui pada keseluruhan teks dalam unit yang dikaji. Tempat kesalahan tatabahasa yang dikesan digariskan untuk memudahkan pembaca. Berikut disenaraikan kesalahan-kesalahan tersebut berserta jenis kesalahan yang disusun berdasarkan urutan muka surat unit berkenaan:

**Jadual 1:** Kesalahan tatabahasa dalam unit 4 buku teks LASR

Bil	Kesalahan	Halaman	Jenis kesalahan
1	الظرف: داخل	130	Tanda <i>i 'rāb</i> <i>zaraf</i> berbaris <i>ḍammah</i>
2	تَنَاقُلُ الخُبُوبِ وَالتَّشْوِيَّاتِ مُهِمٌ حَيْثُ إِنَّهَا نَافِعَةٌ وَغَيْبَةٌ بِالْأَلْيَافِ	139	Tanda <i>i 'rāb</i> <i>mubtadā'</i> berbaris mati
3	تَنَاقُلُ الخُبُوبِ وَالتَّشْوِيَّاتِ مُهِمٌ حَيْثُ إِنَّهَا نَافِعَةٌ وَغَيْبَةٌ بِالْأَلْيَافِ	139	Tanda <i>i 'rāb</i> <i>muḍāf ilayh</i>
4	عَلَّقَ الطَّيَّاحُ لَوْحَةَ الْأَطْعِمَةِ فِي صَالَةِ الطَّعَامِ لِمَعْرِفَةِ سَعْرِاتِهَا حَزَارِيَّةً	139	<i>Tarkīb na'at ma'rifah</i> tanpa partikel ال
5	تَتَبَادَلُ الأُورَاقُ بَيْنَ الطَّلَّابِ مَعَ المَجْمُوعَةِ الأُخْرَى	143	Salah konsep <i>fi 'il mabni li al-majhūl</i>
6	تَتَبَادَلُ الأُورَاقُ بَيْنَ الطَّلَّابِ مَعَ المَجْمُوعَةِ الأُخْرَى	143	Tanda <i>i 'rāb</i> <i>muḍāf ilayh</i>
7	يَتَسَرَّحُ العَالِمُ فِي التَّغَدِّيَةِ عَنِ الهَرَمِ الغِذَائِيِّ المُنَّاسِبِ	150	Penggunaan partikel <i>jarr</i> tidak tepat
8	يَتَسَرَّحُ ذُو عِلْمٍ فِي التَّغَدِّيَةِ عَنِ الهَرَمِ الغِذَائِيِّ المُنَّاسِبِ	150	Penggunaan partikel <i>jarr</i> tidak tepat
9	اللَّبَنُ مُفِيدٌ لِتَقْوِيَةِ العِظَامِ / مُفِيدٌ لِتَقْوِيَةِ العِظَامِ (خَبْرٌ مُفْرَدٌ)	151	Penentuan <i>khobar mufrad</i> tidak tepat
10	الخَلِيْبُ يَغْلَى عَلَى النَّارِ / يَغْلَى عَلَى النَّارِ (خَبْرُ الجُمْلَةِ الفِعْلِيَّةِ)	151	Penentuan <i>khobar jumlah fi 'liyyah</i> tidak tepat
11	أَنْ يَضُرَّ النَّوْمُ القَلِيلُ عَلَى الصِّحَّةِ وَأَنْ يُوَثِّرَ عَلَى وِطَائِفِ الدِّمَاغِ: يَقُولُ الطَّبِيبُ	152	Penggunaan partikel ' <i>ann maṣdariyyah</i> tidak tepat
12	أَنْ يَضُرَّ النَّوْمُ القَلِيلُ عَلَى الصِّحَّةِ وَأَنْ يُوَثِّرَ عَلَى وِطَائِفِ الدِّمَاغِ: يَقُولُ الطَّبِيبُ	152	Penggunaan partikel ' <i>ann maṣdariyyah</i> tidak tepat
13	الرِّيَاضَةُ اليَوْمِيَّةُ	154	Tanda <i>i 'rāb</i> <i>tarkīb na'at</i> tidak tepat
14	أَهْلًا بِكَ يَا مَدْرِيَّةَ رَبِّي	158	Tanda <i>i 'rāb</i> <i>munāda muḍāf</i> tidak tepat
15	أَهْلًا بِكَ يَا مَدْرِيَّةَ رَبِّي	158	Tanda <i>i 'rāb</i> <i>muḍāf ilayhi</i> dan berkemungkinan <i>badal</i>
16	أَنْصَحُكَ بِتَنَاوُلِ الطَّعَامِ	159	Tanda <i>i 'rāb</i> <i>muḍāf ilayhi</i>
17	أَنْ مُمَارَسَةَ نَشَاطِ رِيَاضِيٍّ لِمُعْظَمِ أَيَّامِ الأَسْبُوعِ بَعْدَ هَذَا اللِّقَاءِ	159	Tanda <i>i 'rāb</i> <i>ism inna</i>
18	أَنْ مُمَارَسَةَ نَشَاطِ رِيَاضِيٍّ لِمُعْظَمِ أَيَّامِ الأَسْبُوعِ بَعْدَ هَذَا اللِّقَاءِ، حَيْثُ يُسَاعَدُ عَلَى تَخْفِيفِ المَرَضِ	159	Menggunakan <i>fi 'il mudhakkār</i> untuk merujuk kepada pelaku <i>mu'annath</i>
19	الفِعْلُ المُضَارِعُ المَنْصُوبُ	162	tanda <i>i 'rāb</i> <i>na'at</i> tidak seragam dengan <i>man'ūt</i>
20	الفِعْلُ المُضَارِعُ المَجْرُومُ	162	tanda <i>i 'rāb</i> <i>badal</i> tidak seragam dengan <i>al-mubdal minhu</i>

Berdasarkan jadual, terdapat sebanyak 20 kesalahan tatabahasa yang dikesan dalam teks yang dikaji. Kesalahan-kesalahan ini berlaku dalam bab yang pelbagai dalam perbincangan tatabahasa Arab. Kesalahan tanda *i 'rāb* mewakili kesalahan terbanyak iaitu sebanyak 11 kesalahan pada item bernombor 1, 2, 3, 6, 13, 14, 15, 16, 17, 19 dan 20. Diikuti kesalahan penggunaan partikel *jarr* sebanyak 2 kali pada item bernombor 7 dan 8. Manakala kesalahan *tarkīb na'at* berlaku pada item 4, *fi 'il mabni li al-majhūl* pada item bernombor 5, '*ann al-maṣdariyyah* pada item bernombor 11 sebanyak dua kali dan kesalahan konsep *tadhkīr ta'nīth* pada item bernombor 17.

### 3.2 Tafsiran elemen kesalahan tatabahasa

Oleh kerana kesalahan-kesalahan yang dicatatkan melibatkan persoalan tatabahasa Arab, maka huraian kesalahan setiap item berkenaan perlu dirujuk kepada tatabahasa Arab berdasarkan kepada kaedah nahu Arab, dan oleh kerana kesalahan yang dikesan berlaku dalam subtopik tertentu tatabahasa Arab, huraian dari aspek ini akan dikelompokkan berdasarkan kepada jenis kesalahan berkenaan mengikut kekerapannya. Di bawah diperturunkan analisis tafsiran kesalahan tatabahasa dalam teks yang dikaji:

#### a) Kesalahan tanda *i 'rāb*

*I'rāb* atau infleksi ialah tanda yang terletak pada hujung perkataan untuk menunjukkan status serta fungsi sesuatu perkataan dalam sesuatu ayat. Dalam bahasa Arab, perubahan baris akhir sesuatu perkataan adalah ekor daripada perubahan agen-agen tertentu yang berada sebelumnya yang juga merupakan penyebab kepada terjadinya kasus *marfū'*, *manṣūb*, *majrūr* dan *majzūm* sesuatu perkataan. Seperti di dalam contoh-contoh berikut:

إِذَا جَاءَ نَصْرُ اللَّهِ وَالْفَتْحُ  
يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا كُونُوا أَنْصَارَ اللَّهِ  
يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِنْ تَنْصَرُوا لِلَّهِ يَنْصُرْكُمْ

Baris akhir bagi perkataan *نَصْرٌ*, *أَنْصَارٌ*, *يَنْصُرُونَ* dalam contoh di atas berubah-ubah bergantung kepada fungsi nahuan dan kedudukannya dalam ayat. *نَصْرٌ* dalam ayat pertama berbaris di hadapan



kerana berada dalam kasus *marfū'* sebagai pelaku. Sementara *أَنْصَرَ* dalam contoh kedua berbaris di atas kerana berfungsi sebagai *khabar kāna* yang bersifat *manṣūb*. Manakala perkataan *يَنْصُرُ* dalam contoh ketiga pula adalah *fi'il muḍāri'* yang dimatikan bunyi fonem akhirnya kerana berfungsi sebagai *jawab syaraḥ* bagi partikel *syaraḥ* [إِنْ] sebelumnya. Justeru, *i'rāb* dan perubahan tanda baris dalam ayat menunjukkan kepada fungsi nahan serta kedudukan perkataan dalam ayat dan ia merupakan ciri keistimewaan bahasa Arab.

Perbincangan mengenai tanda *i'rāb* yang betul bagi setiap item yang ditandakan sebagai kesalahan tanda *i'rāb* ialah seperti berikut:

i. *أَنْصَحُكَ بِتَنَاوُلِ الطَّعَامِ* bukannya *بِتَنَاوُلِ الطَّعَامِ أَنْصَحُكَ*.

Klausa yang membentuk rangkai kata ini melibatkan perkataan [بِتَنَاوُلِ] sebagai *muḍāf* dan [الطَّعَامِ] sebagai *muḍāf ilayh*. Dalam tatabahasa Arab, rangkai kata *iḍāfah* mempunyai hukum *i'rāb* yang khusus. Perkataan yang membentuk *muḍāf* hukum *i'rāb*nya berdasarkan kedudukannya dalam ayat, manakala kata nama selepasnya dalam kasus *majrūr* sebagai *muḍāf ilayh* (Ni'mah, t.th: 99). Justeru, dalam konteks ayat ini, perkataan [تَنَاوُلِ] dalam kasus *majrūr* sebagai *ism majrūr* kepada partikel [بِ] dan berfungsi sebagai *muḍāf*, manakala perkataan [الطَّعَامِ] perlu dibaca dengan kasus *majrūr* sebagai *muḍāf ilayh*. Kesalahan binaan kata [بِتَنَاوُلِ] adalah kesalahan dari aspek morfologi. Justeru, ia tidak dibincangkan dalam artikel ini.

Dalam item bernombor 3 juga terdapat kesalahan yang serupa. Perkataan [تَنَاوُلِ] berkedudukan sebagai *muḍāf*, manakala perkataan [الْحُبُوبِ] dalam kasus *majrūr* sebagai *muḍāf ilayh*. Justeru, perkataan ini sepatutnya berbaris di bawah [الْحُبُوبِ] bukannya bertanda baris di atas [الْحُبُوبِ].

Dalam item bernombor 6, rangkai kata [بَيْنَ الطَّلَابِ] adalah rangkai kata *iḍāfah* kerana rangkai kata ini didahului oleh *ẓaraf*. Dalam tatabahasa Arab, kata nama selepas *ẓaraf* mestilah dalam kasus *majrūr* sebagai *muḍāf ilayh* (Ni'mah, t.th: 75). Justeru, perkataan ini sepatutnya dibaca dengan tanda baris di bawah [الطَّلَابِ] bukannya bertanda baris di hadapan [الطَّلَابِ].

Dalam item bernombor 14 pula, rangkai kata [مُدْرَبَةٌ زَيْنَبُ] juga membentuk *tarkīb iḍāfi* dengan [مُدْرَبَةٌ] sebagai *muḍāf* dan [زَيْنَبُ] sebagai *muḍāf ilayh*. Justeru, perkataan [زَيْنَبُ] dalam konteks ini perlu ditanda dengan baris di bawah dalam kasus *majrūr* sebagai *muḍāf ilayh*. Oleh kerana perkataan [زَيْنَبُ] termasuk dalam kategori kata nama *mamnū' min al-ṣarf* yang tidak menerima baris di bawah, maka perkataan *majrūr* adalah dengan baris di atas. Justeru, perkataan ini dibaca seperti berikut: [زَيْنَبُ], bukannya dengan tanda baris di hadapan [زَيْنَبُ] seperti yang diaplikasi di dalam teks. Ada juga kemungkinan perkataan ini diandaikan dalam kasus *manṣūb* sebagai *badal* kepada kata nama sebelumnya, sekiranya kata nama sebelum perkataan [زَيْنَبُ] diandaikan sebagai [مُدْرَبَتِي]. Dalam kondisi ini rangkai kata berkenaan ialah [مُدْرَبَتِي زَيْنَبُ] dengan makna /jurulatihku Zainab/, bukan lagi [مُدْرَبَةٌ زَيْنَبُ] dengan makna /jurulatih Zainab/. Sebagai *badal*, perkataan [زَيْنَبُ] akan mengikut hukum *i'rāb* kata nama sebelumnya. Oleh kerana kata nama sebelumnya dalam kasus *manṣūb* sebagai *munāda muḍāf*, maka perkataan [زَيْنَبُ] dalam kondisi ini juga dalam kasus *manṣūb* sebagai *badal*.

ii. *الظَّرْفُ: دَاخِلٌ* bukan *الظَّرْفُ: دَاخِلٌ*.

Dalam tatabahasa Arab, perkataan yang digunakan sebagai *ẓaraf zamān* yang menunjukkan masa berlaku atau *ẓaraf makān* yang menunjukkan tempat akan *manṣūb* sekiranya digunakan sebagai *ẓaraf* (Ni'mah t.th:73). Oleh kerana perkataan [دَاخِلٌ] digunakan sebagai *ẓaraf* dalam konteks ini, maka sewajarnya ia dibariskan dengan tanda baris *manṣūb* [دَاخِلٌ].

iii. *تَنَاوُلِ الْحُبُوبِ وَالنَّشَوِيَاتِ مُهِمٌّ حَيْثُ إِنَّهَا نَافِعَةٌ وَغَنِيَّةٌ بِالْأَلْيَافِ* bukannya *تَنَاوُلِ الْحُبُوبِ وَالنَّشَوِيَاتِ مُهِمٌّ حَيْثُ إِنَّهَا نَافِعَةٌ وَغَنِيَّةٌ بِالْأَلْيَافِ*.

Hal ini kerana ayat ini adalah *jumlah ismiyyah* yang mana perkataan [تَنَاوُلِ] berfungsi sebagai *mubtadā'*, manakala perkataan [مُهِمٌّ] berfungsi sebagai *khabar*. Dalam tatabahasa Arab, *mubtadā'* adalah kata nama dan dalam kasus *marfū'* (Ni'mah, t.th: 27). Oleh yang demikian, perkataan [تَنَاوُلِ] dengan pola [تَفَاعُلٌ] serta bertanda baris di hadapan adalah tepat dalam kondisi ini.

iv. *اللَّبْنُ مُفِيدٌ لَتَقْوِيَةِ الْعِظَامِ / مُفِيدٌ لَتَقْوِيَةِ الْعِظَامِ (خبر مفرد)* bukannya *اللَّبْنُ مُفِيدٌ لَتَقْوِيَةِ الْعِظَامِ / مُفِيدٌ لَتَقْوِيَةِ الْعِظَامِ (خبر مفرد)*.

Item ini merupakan *i'rāb khabar mufrad*. Dalam tatabahasa Arab, *khabar* ialah apa-apa yang menyempurnakan makna *mubtadā'* dan *khabar* boleh datang dalam bentuk *khabar mufrad*, *khabar shibh jumlah*, *khabar jumlah fi'liyyah* dan *khabar jumlah ismiyyah*. *Khabar mufrad* boleh dibentuk

menggunakan *ism zāhir* atau *ism mushtaq* atau *ism jins* (Ni'mah, t.th:31). Justeru, dalam ayat yang dikemukakan, *khavar* ialah perkataan [مغيدٌ] sahaja yang merupakan *ism mushtaq* bukannya keseluruhan ayat yang berfungsi sebagai pelengkap ayat.

v. الحَلِيبُ يُغَلَى عَلَى النَّارِ / يُغَلَى عَلَى النَّارِ (خبر الجملة الفعلية) bukannya الحَلِيبُ يُغَلَى عَلَى النَّارِ (خبر الجملة الفعلية)  
Penjelasan bahagian ini ada kaitannya dengan penjelasan sebelum iaitu *khavar* yang berfungsi menerangkan makna *muḥtadā*. Dalam contoh yang dikemukakan, ia berkaitan dengan *khavar jumlah fi 'liyyah*. *Khavar* jenis ini merupakan *fi 'il* yang datang selepas kata nama dan terdapat *damīr* rujukan yang kembali kepada kata nama sebelumnya (Ni'mah, t.th: 171). Justeru, *khavar* dalam ayat ini ialah kata kerja [يُغَلَى] sahaja, bukannya keseluruhan ayat yang berfungsi sebagai pelengkap ayat sahaja.

vi. الرِّيَاضَةُ اليَوْمِيَّةُ bukannya الرِّيَاضَةُ اليَوْمِيَّةُ.  
Kesalahan untuk item adalah kesalahan meletak tanda *i 'rāb* pada klausa *na 'at* dan *man 'ūt*. Dalam tatabahasa Arab, *na 'at* iaitu kata sifat akan sentiasa mengikut *man 'ūt* iaitu kata nama sebelum *na 'at* dari aspek gender, bilangan, *tankīr ta 'nīth* dan juga tanda *i 'rāb* (Ni'mah, t.th 51). Oleh yang demikian, apabila *ism man 'ūt* [الرِّيَاضَةُ] dalam kasus *manṣūb*, maka perkataan [اليَوْمِيَّةُ] yang berposisi *na 'at* juga mestilah dibaca secara *manṣūb*.

vii. أَهْلًا بِكَ يَا مُدْرَبِيَّةُ زَيْنَبُ bukannya أَهْلًا بِكَ يَا مُدْرَبِيَّةُ زَيْنَبُ atau أَهْلًا بِكَ يَا مُدْرَبِيَّةُ زَيْنَبُ.  
Kesalahan pada item ini adalah berkaitan dengan tanda *i 'rāb munāda*. Dalam tatabahasa Arab, *munāda*, sekiranya dalam bentuk *tarkīb idāfi*, maka tanda *i 'rāb*nya ialah *manṣūb* dan kata nama selepasnya dalam kasus *majrūr* sebagai *muḍāf ilayh* (Ni'mah, t.th: 81). Oleh yang demikian, rangkai kata ini seharusnya dibaca seperti berikut [يا مُدْرَبِيَّةُ زَيْنَبُ] dengan maksud /wahai jurulatih Zainab/ bukannya [يا مُدْرَبِيَّةُ زَيْنَبُ] seperti yang tercatat dalam teks berkenaan.

Rangkai kata ini juga boleh diandaikan seperti berikut: [يا مُدْرَبِيَّةُ زَيْنَبُ] dengan maksud /wahai jurulatihku, Zainab/. Dalam kondisi ini, perkataan [مُدْرَبِيَّةُ] dalam kasus *manṣūb* sebagai *munāda muḍāf* dan kata nama [يَ] /ku/ dalam kasus *majrūr* sebagai *muḍāf ilayh*. Manakala perkataan [زَيْنَبُ] pula dalam kasus *manṣūb* sebagai *badal* kepada *munāda* sebelumnya.

viii. أَنْ مُمَارَسَةً bukannya أَنْ مُمَارَسَةً.  
Kesalahan dalam item ini adalah berkaitan dengan perbincangan topik *ism inna*. Dalam tatabahasa Arab, *ism inna* iaitu kata nama yang berada selepas partikel [أَنَّ] hendaklah dibaca dengan kasus *manṣūb* sebagai *ism inna*, manakala pelengkapnya dalam kasus *marfū'* sebagai *khavar inna* (Ni'mah, t.th). Justeru, perkataan [ممارسة] sebagai *ism inna* seharusnya ditandai dengan tanda baris di atas [مُمَارَسَةً] bukannya dengan tanda baris di hadapan [مُمَارَسَةٌ].

ix. الفِعْلُ الْمُضَارِعُ المَنْصُوبُ dan الفِعْلُ الْمُضَارِعُ المَجْرُومُ bukannya الفِعْلُ الْمُضَارِعُ المَنْصُوبُ dan الفِعْلُ الْمُضَارِعُ المَجْرُومُ.  
Rangkai kata yang membentuk klausa ini ialah rangkai kata berkaitan dengan perbincangan hukum *badal*. Dalam tatabahasa Arab, *badal* akan sentiasa menuruti hukum *i 'rāb al-mubdal minhu* sama ada *marfū'*, atau *manṣūb* atau *majrūr*. Oleh kerana *al-mubdal minhu* dalam kedua rangkai kata ini [الفِعْلُ] dalam kasus *marfū'*, maka kata nama selepasnya sebagai *badal* turut dibaca dengan kasus *marfū'* [الفِعْلُ المَجْرُومُ] dan [الفِعْلُ المَنْصُوبُ].

b) Tambahan tidak perlu partikel *jarr*

Di dalam muka surat 150, terdapat dua ayat yang dimulakan dengan *fi 'il muta 'addi* [يَسْرُخُ] yang dihubungkan dengan partikel *jarr* [عن]. Ayat-ayat berkenaan ialah

يَسْرُخُ الْعَالِمُ فِي التَّغْذِيَةِ عَنِ الْهَرَمِ الْغِذَائِيِّ الْمُنَاسِبِ  
يَسْرُخُ نُو عِلْمٍ فِي التَّغْذِيَةِ عَنِ الْهَرَمِ الْغِذَائِيِّ الْمُنَاسِبِ

Dalam tatabahasa Arab, *fi 'il* terbahagi kepada dua jenis iaitu *fi 'il muta 'addi* dan *fi 'il lāzim*. *Fi 'il lāzim* ialah kata kerja yang hanya memerlukan pelaku sebagai pelengkap dan tidak memerlukan objek. Manakala *fi 'il muta 'addi* pula ialah kata kerja yang tidak sekadar memerlukan pelaku, bahkan ia memerlukan *maf'ūl bih* untuk melengkapkan ayat (Ni'mah, t.th: 289). Justeru, apabila menggunakan *fi 'il muta 'addi*, pengguna tidak memerlukan tambahan partikel *jarr* untuk menerangkan objek. Sebaliknya penggunaan objek dalam kasus *manṣūb* sebagai *maf'ūl bih* secara terus selepas pelaku

adalah lebih tepat. Oleh kerana kata kerja [يَسْرُحُ] merupakan *fi' il muta'addi* yang memerlukan *maf'ul bih*, maka kedua-dua ayat berkenaan seharusnya ditulis [يَسْرُحُ الْعَالَمَ فِي التَّغْذِيَةِ الْهَرَمِ الْغِذَائِيِّ الْمُنَاسِبِ] dan [يَسْرُحُ ذُو عِلْمٍ فِي التَّغْذِيَةِ الْهَرَمِ الْغِذَائِيِّ الْمُنَاسِبِ] dalam kasus *manṣūb* sebagai *maf'ul bih* tanpa dihubungkan dengan partikel *jarr*.

c) Padanan *tarkīb na'at*

Dalam tatabahasa Arab, *tarkīb na'at* terdiri daripada *na'at* dan *man'ūt*, dan *na'at* mesti sepadan dengan kata nama sebelumnya yang dilabelkan sebagai *man'ūt* dalam aspek-aspek berikut: *ma'rifah* dan *nakirah*, bilangan [*mufrad, muthannā, jama*] dan genus [*mudhakkār, mu'annath*] (Ni'mah, t.th: 52). Dalam unit yang dikaji terdapat satu ayat yang menggunakan *tarkīb na'at* iaitu ayat [عَلَّقَ الطَّبَاخُ لَوْحَةً [سُغْرَاتِهَا] فِي صَالَةِ الطَّعَامِ لِمَعْرِفَةِ سُغْرَاتِهَا حَرَارِيَّةٍ]. Dalam ayat ini perkataan [سُغْرَاتِهَا] digabungkan dengan perkataan [حَرَارِيَّةٍ] untuk membentuk *tarkīb na'at*. Oleh kerana perkataan [سُغْرَاتِهَا] sebagai *man'ūt* dalam kasus *ma'rifah* kerana bersandar kepada *ḍamīr* [ها], maka *na'at* selepasnya juga perlu dalam kasus *ma'rifah*. Justeru, kata nama berkenaan perlu dalam kasus *ma'rifah* dengan memasukkan partikel [ال] pada awal perkataan menjadi [الْحَرَارِيَّةِ] supaya membentuk rangkaian kata yang sepadan antara *na'at* dan *man'ūt*.

d) Salah konsep penggunaan *'ann maṣdariyyah*

*'Ann maṣdariyyah* digunakan sebagai agen yang menasabkan *fi' il muḍāri'*. *Fi' il muḍāri'* akan dibaca dengan kasus *manṣūb* sekiranya didahului oleh partikel [أَنْ]. Manakala syarat untuk menggunakan partikel ini pula ialah partikel ini dan *fi' il muḍāri'* selepasnya boleh ditakwilkan sebagai *maṣdar*. Oleh hal yang demikian partikel ini dinamakan *'ann maṣdariyyah* (Ni'mah, t.th: 139). Contohnya ayat [يَسْرُحُ أَنْ تَقْدُمَكَ] boleh ditakwilkan sebagai [يَسْرُحُ أَنْ تَقْدُمَكَ].

Dalam unit yang dikaji terdapat satu ayat yang menggunakan partikel *'ann* yang mendepani *fi' il muḍāri'* iaitu ayat: [أَنْ يَضُرَّ النَّوْمُ الْقَلِيلَ عَلَى الصِّحَّةِ وَأَنْ يُوَثِّرَ عَلَى وِطَائِفِ الدِّمَاغِ]. Ayat ini dikemukakan dalam latihan berkaitan *fi' il muḍāri'* dalam kasus *manṣūb* kerana didahului agen *naṣab*. Jika diteliti, kedua-dua rangkaian kata yang diberikan [أَنْ يَضُرَّ] dan [أَنْ يُوَثِّرَ] tidak boleh ditakwilkan kepada *maṣdar* kerana berkedudukan di permulaan ayat. Malah pengguguran partikel ini dalam kedua-dua rangkaian kata menjadi [يَضُرُّ النَّوْمُ الْقَلِيلَ عَلَى الصِّحَّةِ وَيُوَثِّرُ عَلَى وِطَائِفِ الدِّمَاغِ] adalah lebih tepat dan sesuai.

e) Salah konsep binaan kata *fi' il muḍāri' mabnī li al-majhūl*

Secara umumnya, *fi' il maḍī mabnī li al-majhūl* dibina dengan meletakkan baris di hadapan untuk huruf pertama dan baris di bawah untuk huruf sebelum akhir. Manakala kata nama selepasnya dalam kasus *marfū'* sebagai *nā'ib fā'il*. Contohnya perkataan [صَنَعَ] ditukar kepada [صُنِعَ]. Manakala untuk menukar *fi' il muḍāri'* kepada *mabnī li al-majhūl*, tanda baris huruf pertamanya ialah baris di hadapan dan huruf sebelum akhirnya berbaris di atas. Contoh: perkataan [يَضْرِبُ] ditukar kepada *muḍāri' mabnī li majhūl* menjadi [يَضْرَبُ] (Ni'mah, t.th: 48).

Terdapat satu kesalahan konsep penggunaan *fi' il muḍāri' mabnī li al-majhūl* dalam unit yang dikaji. Penulis menggunakan ayat: [تَتَبَادَلُ الْأَوْرَاقُ بَيْنَ الطَّلَابِ]. Jelas bahawa rangkaian kata [تَتَبَادَلُ الْأَوْرَاقُ] digunakan dalam konteks *fi' il mabnī li al-majhūl*, manakala kata nama selepasnya [الْأَوْرَاقُ] dalam kasus *marfū'* sebagai *nā'ib fā'il*. Akan tetapi tanda baris pada perkataan [تَتَبَادَلُ] tidak menepati kaedah binaan *fi' il muḍāri' mabnī li al-majhūl* seperti yang dijelaskan. Seharusnya binaan kata perkataan ini ialah [تَتَبَادَلُ] dengan menggunakan baris di hadapan untuk huruf pertama dan baris di atas untuk huruf sebelum akhir.

f) Kesalahan dari aspek *tadhkīr* dan *ta'nīth*

Ayat dalam bahasa Arab mementingkan persamaan genus dalam tatabahasanya. Ini kerana adanya genus *mudhakkār* dan *mu'annath* di dalam hampir semua binaan kata, sama ada dalam pola *mufrad, muthannā, jama'*, atau benda bernyawa dan tidak bernyawa, atau kata nama konkrit atau abstrak. Senario ini juga digunakan pada kata kerja. Binaan ayat dalam bahasa Arab memerlukan persamaan genus, sehingga dipadankan subjek *mudhakkār* dengan predikat *mudhakkār* dan subjek *mu'annath* dengan predikat *mu'annath* (Ni'mah, t.th: 32). Persamaan jenis genus secara langsung akan mengubah binaan perkataan dalam ayat. Contohnya ayat [الْمُسْلِمُ حَضَرَ] akan bertukar menjadi [الْمُسْلِمَةُ حَضَرَتْ] kerana subjek *mu'annath* dipadankan dengan predikat *mu'annath*.



Didapati ayat [أَنْ مُمَارَسَةَ نَشَاطِ رِيَاضِيٍّ ... حَيْثُ يُسَاعِدُ عَلَى تَخْفِيفِ الْمَرَضِ] dalam teks yang dikaji telah berlaku penyimpangan daripada kaedah ini. Subjek [مُمَارَسَةَ نَشَاطِ رِيَاضِيٍّ] yang bersifat *mu'annath* telah dipadankan dengan *fi'il* [يُسَاعِدُ] yang merupakan kata kerja *muḍāri'* untuk *mudhakkār*. Seharusnya digunakan kata kerja [يُسَاعِدُ] supaya kata kerja ini sepadan dengan subjek yang bersifat *mu'annath*.

#### 4. Cadangan Pembedulan dan Perbincangan

Untuk menjelaskan lagi semua aspek kesalahan yang ditemui serta cadangan rawatan yang dikemukakan, hasil analisis boleh dipaparkan seperti dalam jadual berikut:

**Jadual 2:** Cadangan pembedulan kesalahan tatabahasa Unit 4 buku teks LASR

Kesalahan	Jenis Kesalahan	Cadangan Rawatan
الظَرْفُ: تَاخُلُ تَتَأَوَّلُ الْحَبِيبِ وَالتَّشْوِيَّاتِ مُهْمٌ تَتَأَوَّلُ الْحَبِيبِ وَالتَّشْوِيَّاتِ مُهْمٌ تَتَبَادَلُ الْأُورَاقُ بَيْنَ الطَّلَاطِبِ أَهْلًا بِكَ يَا مُدْرَبَةٌ زَيْنَبُ	tanda <i>i'rāb żaraf</i> tanda <i>i'rāb muḍtadā'</i> tanda <i>i'rāb muḍāf ilayh</i> tanda <i>i'rāb muḍāf ilayh</i>	الظَرْفُ: تَاخُلُ تَتَأَوَّلُ الْحَبِيبِ وَالتَّشْوِيَّاتِ مُهْمٌ تَتَأَوَّلُ الْحَبِيبِ وَالتَّشْوِيَّاتِ مُهْمٌ تَتَبَادَلُ الْأُورَاقُ بَيْنَ الطَّلَاطِبِ أَهْلًا بِكَ يَا مُدْرَبَةٌ زَيْنَبُ أَهْلًا بِكَ يَا مُدْرَبَةٌ زَيْنَبُ
الَّذِينَ مُفِيدٌ لِقَوِيَّةِ الْعِظَامِ / مُفِيدٌ لِقَوِيَّةِ الْعِظَامِ (خبر مفرد) الْحَلِيبُ يُغَلَى عَلَى النَّارِ / يُغَلَى عَلَى النَّارِ (خبر الجملة الفعلية) الرِّيَاضَةُ الْيَوْمِيَّةُ أَهْلًا بِكَ يَا مُدْرَبَةٌ زَيْنَبُ أَنْصَحُكَ بِتَتَأَوَّلِ الطَّعَامِ الْفِعْلُ الْمَضَارِعُ الْمَنْصُوبُ الْفِعْلُ الْمَضَارِعُ الْمَجْرُومُ أَنْ مُمَارَسَةَ نَشَاطِ رِيَاضِيٍّ عَلَّقَ الطَّبَاطُخَ لَوْحَةَ الْأَطْعِمَةِ فِي صَالَةِ الطَّعَامِ لِمَعْرِفَةِ سَعْرَاتِهَا حِزَارِيَّةُ يَشْتَرُخُ الْعَالَمُ فِي التَّغْدِيَّةِ عَنِ الْهَرَمِ الْغِدَائِيِّ الْمُنَاسِبِ يَشْتَرُخُ دُوْ عِلْمٍ فِي التَّغْدِيَّةِ عَنِ الْهَرَمِ الْغِدَائِيِّ الْمُنَاسِبِ تَتَبَادَلُ الْأُورَاقُ بَيْنَ الطَّلَاطِبِ	tanda <i>i'rāb khabar murfad</i> tanda <i>i'rāb khabar jumlah</i> tanda <i>i'rāb tarkīb na'at</i> tanda <i>i'rāb munādā</i> tanda <i>i'rāb muḍāf ilayh</i> tanda <i>i'rāb na'at</i> tanda <i>i'rāb badal</i> tanda <i>i'rāb ism inna tarkīb na'at</i>	الَّذِينَ مُفِيدٌ (خبر مفرد) يُغَلَى (خبر الجملة الفعلية) الرِّيَاضَةُ الْيَوْمِيَّةُ أَهْلًا بِكَ يَا مُدْرَبَةٌ زَيْنَبُ أَنْصَحُكَ بِتَتَأَوَّلِ الطَّعَامِ الْفِعْلُ الْمَضَارِعُ الْمَنْصُوبُ الْفِعْلُ الْمَضَارِعُ الْمَجْرُومُ أَنْ مُمَارَسَةَ نَشَاطِ رِيَاضِيٍّ ... عَلَّقَ الطَّبَاطُخَ لَوْحَةَ الْأَطْعِمَةِ فِي صَالَةِ الطَّعَامِ لِمَعْرِفَةِ سَعْرَاتِهَا الْحِزَارِيَّةُ يَشْتَرُخُ الْعَالَمُ فِي التَّغْدِيَّةِ الْهَرَمِ الْغِدَائِيِّ الْمُنَاسِبِ يَشْتَرُخُ دُوْ عِلْمٍ فِي التَّغْدِيَّةِ الْهَرَمِ الْغِدَائِيِّ الْمُنَاسِبِ تَتَبَادَلُ الْأُورَاقُ بَيْنَ الطَّلَاطِبِ
أَنْ يَضُرَّ النَّوْمُ الْقَلِيلُ عَلَى الصِّحَّةِ وَأَنْ يُوَثِّرَ عَلَى وَظَائِفِ الدِّمَاغِ أَنْ مُمَارَسَةَ نَشَاطِ رِيَاضِيٍّ ... يُسَاعِدُ عَلَى تَخْفِيفِ الْمَرَضِ	partikel <i>jarr</i> partikel <i>jarr</i> <i>fi'il muḍāri' mabnī li al-majhūl</i> <i>'ann maşdariyyah</i> <i>tadhkīr</i> dan <i>ta'nīth</i>	يَضُرُّ النَّوْمُ الْقَلِيلُ عَلَى الصِّحَّةِ وَيُوَثِّرُ عَلَى وَظَائِفِ الدِّمَاغِ أَنْ مُمَارَسَةَ نَشَاطِ رِيَاضِيٍّ ... يُسَاعِدُ عَلَى تَخْفِيفِ الْمَرَضِ

Berdasarkan jadual, terdapat banyak kesalahan elemen tatabahasa yang dikesan dalam unit 4 buku teks LASR. Kesalahan yang dikesan melibatkan pelbagai bab perbincangan tatabahasa Arab. Kesalahan berkaitan *i'rāb* paling banyak dikesan iaitu sebanyak 13 kali. Kesalahan tanda *i'rāb* ini berlaku dalam subtopik tatabahasa yang berbagai melibatkan tanda *i'rāb żaraf, muḍtadā', khabar, na'at, munādā, muḍāf, muḍāf ilayh, ism inna* dan *badal*. Diikuti kesalahan menggunakan partikel *jarr* pada tempat yang tidak sepatutnya sebanyak dua kali. Manakala kesalahan-kesalahan lain iaitu salah konsep penggunaan *fi'il mabnī li al-majhūl, 'ann maşdariyyah* serta konsep *tadhkīr* dan *ta'nīth* berlaku sebanyak sekali. Semua kesalahan ini dikesan hanya dalam satu unit sahaja iaitu unit 4 buku teks LASR, dan tidak melibatkan unit-unit lain. Justeru, jumlah yang dipaparkan adalah merupakan satu jumlah yang besar dan membimbangkan bagi sebuah buku teks rasmi berpusat yang digunakan dalam kurikulum kebangsaan. Dengan jumlah kesalahan yang dinyatakan, pengguna boleh mempersoalkan kualiti buku yang diedar dan digunakan di sekolah.

Walaupun diakui bahawa konsep *i'rāb* dalam tatabahasa Arab agak sukar kerana untuk menguasai *i'rāb* dengan baik, seseorang perlu menguasai keseluruhan sistem tatabahasa Arab dengan baik juga. Mereka bukan sahaja perlu menguasai topik berkaitan tanda *i'rāb*, tetapi juga perlu menguasai tajuk-tajuk berkaitan dengannya seperti *muḍtadā'* dan *khabar, iḍāfah, tamyīz, na'at, fā'il, maf'ūl* dan sebagainya (Hussin & Marosadee, 2019). Akan tetapi, dalam menyediakan sebuah buku yang digunakan sebagai teks utama dalam sistem kebangsaan, kesalahan-kesalahan sebegini sewajarnya dielakkan.

Kesalahan yang direkodkan adalah bersifat kesalahan manusiawi yang berkemungkinan berpunca daripada kelemahan dalam proses menyediakan skrip atau kelemahan dalam proses menilai dan memurnikan hasil akhir teks sebelum proses cetakan. Adalah malang apabila kesalahan-kesalahan

bahasa dikesan dan berlaku dalam buku teks yang disediakan untuk digunakan dalam aktiviti pembelajaran bahasa.

## 5. Kesimpulan

Kesalahan tatabahasa yang dikesan adalah kesalahan konsep asas tatabahasa Arab. Kesalahan yang direkodkan melibatkan tanda *i'rāb* pada binaan asas ayat dan struktur bahasa Arab seperti *mubtadā'*, *khabar*, *na'at*, *munādā'*, *mudāf*, *mudāf ilayh*, *tadhkīr*, *ta'nīth* dan seumpamanya. Terdapat juga unsur kecuaiian dalam meletakkan tanda baris pada sesetengah perkataan. Lalu terjadilah kesalahan meletakkan baris *mubtadā'* dengan tanda mati fonem akhir seperti [تَتَأَوَّلُ] atau kesalahan seumpama [الفِعْلُ الْمُضَارِعُ الْمَجْرُومُ] dan [الفِعْلُ الْمُضَارِعُ الْمُنْصُوبُ].

Dalam proses menghasilkan sebuah buku teks untuk edaran umum dalam kurikulum kebangsaan berpusat, proses penyediaan buku teks dan semakannya yang telus adalah sangat penting. Sebelum melalui proses cetakan, semakan kesahan kandungan adalah sangat perlu untuk meminimumkan kesalahan berpunca daripada kelemahan manusiawi agar buku yang diterbitkan berkualiti dan membantu proses pembelajaran pelajar. Pelajar bahasa asing, seperti bahasa Arab, bergantung sepenuhnya kepada buku teks sebagai sumber pembelajaran, pengukuhan dan pengayaan. Pelajar tidak mempunyai persekitaran bahasa untuk membantu pemerolehan bahasa dan tidak juga memiliki sumber lain untuk memperkayakan hasil pembelajaran.

Sekiranya pelajar bahasa asing didedahkan dengan maklumat yang salah sepanjang tempoh pembelajaran, situasi berkenaan akan membantut proses pemerolehan bahasa serta merendahkan kadar motivasi pelajar untuk menggunakan sumber, di samping menjadi beban kepada tenaga pengajar untuk memperbetulkan kesalahan. Situasi yang lebih membimbangkan ialah sekiranya guru yang mengambil tanggungjawab menyampaikan pengajaran menggunakan bahan berkenaan tidak mempunyai latar belakang bahasa yang matang dan tidak mempunyai maklumat kebahasaan yang mapan untuk menangani permasalahan tatabahasa yang rumit. Justeru, melalui dapatan ini penulis mencadangkan agar semua pihak berhati-hati dan teliti dalam menyediakan bahan pembelajaran agar dapat menjamin kualitinya.

Kajian ini hanya menumpukan kepada aspek kesalahan tatabahasa sahaja. Kajian dari aspek yang lain juga penting untuk menilai dan mengemukakan cadangan penambahbaikan terhadap bahan kajian. Adalah dicadangkan agar kajian aspek kesalahan bahasa diluaskan kepada aspek perbincangan linguistik yang lain seperti morfologi, semantik, pragmatik dan leksikografi.

## Rujukan

- Ab. Halim Mohamad. (2009). Tahap komunikasi dalam bahasa Arab dalam kalangan pelajar Sarjana Muda Bahasa Arab di IPTA Malaysia. *Journal of Islamic and Arabic Education*, 1(1). 1-14.
- Abdul Hakim Abdullah. (2008). Pengajaran Balaghah Peringkat STPM di Sekolah-Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA). *Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 1(1), 83-97.
- Ahmad Redzuan Ghazali et al. (2015). Analisis Kesalahan Morfologi Buku Teks Bahasa Arab Peringkat Tinggi Di Sekolah Rendah Agama, Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS). *E-Journal of Arabic Studies & Islamic Civilization*, 2, 79-89.
- AlMuslim Mustapa, & Zamri Arifin. (2012). Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Arab: Satu Tinjauan Literatur Di Negeri Sembilan. *Persidangan Kebangsaan Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Arab 2012 (PKEBAR'12)*. UKM.
- AlMuslim Mustofa. (2011). Mawārid al-Akhtā' al-Lughowiyah 'inda al-Ṭullāb al-Mālīziyyīn. In *Seminar Antarabangsa pengajaran Bahasa Arab (Vol. 2011)*. Bangi, Selangor, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Al-Rājihī, 'Abduh. (1995). *Ilm al-Lughah al-Taṭbīqiy*. Dār al-Ma'rifah al-Jāmi'iyyah.
- Corder, S. Pit. (1967). The Significance of Learner's Errors. *International Review of Applied Linguistics*, 5(4). 161-170.
- Cortazzi, M., & Jin, L. X. (1999). Cultural mirrors: Materials and methods in the EFL classroom. In E. Hinkel (Ed.), *Culture in second language teaching and learning* (196-219). Cambridge University Press.

- Hussin, M., & Marosadee, A. H. (2019). Pembinaan Modul Pembelajaran 'Adad dan Ma'dūd Berpandukan Ayat Al-Quran . *Issues in Language Studies*, 8(1), 86-104. <https://doi.org/10.33736/ils.1411.2019>.
- Jamaluddin, R. (2002). *Analisis kandungan buku teks mata pelajaran teras Tingkatan Lima (KBSM): Kajian terhadap aspek persembahan penulisan* (Doctoral dissertation, University of Malaya).
- Kamarulzaman Abdul Ghani. (2011). Kebolehbacaan Buku Teks Bahasa Arab Tinggi Berasaskan Ujian Kloz Dalam Kalangan Pelajar Di SMKA. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 11(2), 53-66.
- Kamus Dewan Edisi Keempat. (2010). Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2019). *al-Lughah al-'Arabiyyah li al-Sanah al-Rābi'ah KSSM*. Aras Mega Sdn Bhd.
- Maimun Aqsha Lubis. (2008). Keunggulan Kaedah Elektik Sistemik dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab Kepada Pelajar Melayu. *AJTLHE*, 1(2), 29–38.
- Mat Nor Hussin & Abd Rahman Abd Rahim. (1988). *Alat Bantu Mengajar Dalam Pengajaran Bahasa*. Longman.
- Mohd Bakhir Haji Abdullah. (2011). al-Dha'fu al-Lughawi lada muta'allimi al-Lughah al-Arabiyyah bi Jāmi'ah al-Insāniyyah: Asāsuhu wa 'Ilājuhu. *Majallah al-Dirāsāt al-Lughawiyyah Wa al-Adabiyyah*, 263–289.
- Mohd Saiful Fahmi Mohd Nasir et al. (2017). Tahap Kemahiran Bertutur Bagi Bahasa Arab Komunikasi (BAK) Di Sekolah Agama Daerah Pasir Puteh Kelantan. *Seminar Kebangsaan Bahasa dan Kesusasteraan Arab (Sembara 2017)*.
- Ni'mah, Fu'ad. (t.th). *Mulakhkhaṣ Qawā'id al-Lughah al-'Arabiyyah*. Maktab al-'Ilmiy li al-Ta'lif wa al-Turjumah.
- Nik Mahfuzah Nik Mat. (2013). *Penguasaan Kemahiran Mendengar Bahasa Arab Dalam Kalangan Pelajar Menengah Agama*. Tesis sarjana, Universiti Malaya.
- Ṭu'aimah, Muḥammad Rushdiy. (2004). *al-Mahārāt al-Lughawiyyah, Mustawatuhā, Tadrīshuhā, Ṣu'ūbātuhā*. Dār al-Fikr al-'Arabiy.
- Wan Mohamad Wan Muda. (1998). *Seminar Penulisan dan Penilaian Buku-Buku Teks*. Biro Buku Teks, Kementerian Pendidikan Malaysia
- Zainol Abidin Ahmad. (2002). *Kemahiran Menulis Bahasa Arab di Kalangan Pelajar Melayu: Satu Kajian Kes*. Tesis Sarjana MMLS, Universiti Malaya.